

06/06/2001

`Kajian ISA hak kerajaan, bukan mahkamah'

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, soal sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) perlu dikaji semula atau sebaliknya adalah hak kerajaan, bukannya mahkamah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bidang kuasa mahkamah ialah membuat keputusan terhadap sesuatu kes yang dibicarakan berdasarkan peruntukan undang-undang.

"Kita (kerajaan) akan putuskan apa yang kita akan buat dengan ISA. Ia adalah urusan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-15, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohamed Hishamudin Mohamed Yunus, Rabu lalu yang menyatakan kerajaan wajar mengkaji semula undang-undang itu.

Mohamed Hishamudin dilaporkan berkata demikian dalam penghakimannya ketika membebaskan dua aktivis reformasi daripada tahanan ISA selepas mendapati penahanan mereka tidak sah.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan melihat sama ada ISA perlu dikaji semula seperti dicadangkan hakim berkenaan.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, ketika ditanya pandangannya mengenai perkara itu, berkata: "Pada masa ini saya tidak akan membuat kenyataan mengenainya."

Mengenai tahap sekatan terhadap kebebasan dan hak tertentu di Malaysia, beliau berkata ia adalah berpatutan kerana negara kekal aman dan stabil.

"Jika ia (sekatan) itu tidak berpatutan, anda tidak akan dapat melihat Malaysia yang aman dan stabil. Bertahun-tahun selepas merdeka, kita kekal stabil," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah membidas negara maju kerana sengaja menolak keperluan untuk sesebuah kerajaan mengenakan sekatan terhadap kebebasan dan hak tertentu bagi menjamin keselamatan negara.

"Sekatan, walaupun terhad dan dilaksanakan untuk kebaikan rakyat, dikutuk mereka, kononnya melanggar hak asasi manusia seperti termaktub dalam badan antarabangsa," katanya.

Abdullah berkata, pendirian sedemikian tidak membantu kerana Konvensyen Hak Sivil dan Politik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperakui bahawa ada masanya sekatan terhadap hak tertentu perlu demi keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Hak itu termasuk kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan," katanya sambil menambah, dalam keadaan tertentu yang sukar, kebebasan tanpa sekatan akan menyebabkan huru-hara kepada sesebuah negara.

Beliau berkata, persoalan sekarang ialah bukannya sama ada sekatan terhadap hak tertentu itu wajar atau tidak, tetapi sama ada sekatan itu berpatutan dan perlu untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam dalam keadaan tertentu.

"Persoalannya juga ialah sama ada sekatan itu adalah demokratik dan diadakan secara sah serta menunjukkan kehendak rakyat.

"Dalam sistem demokrasi, rakyatlah yang akan membuat keputusan sama ada sekatan itu wajar dan bila ia patut dihapuskan. Merekalah yang lebih memahami akibatnya," katanya.

(END)